



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
*Office of the Director General of Education Malaysia*  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
Level 7 Block J Damansara Town Centre  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jilid XV/ (12)  
23 Disember 1999

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 12/1999:  
Penggunaan Buku Teks dan Buku Latihan dan Aktiviti  
Yang Diperakukan Oleh Kementerian Pendidikan**

Surat Pekeling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan tentang penggunaan Buku Teks dan Buku Latihan dan Aktiviti di semua sekolah kerajaan. Semua Pengetua dan Guru Besar adalah diingatkan bahawa Buku Teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan adalah wajib digunakan di semua sekolah kerajaan. Selain daripada itu, Buku Latihan dan Aktiviti Tahap Satu yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan adalah juga wajib digunakan di sekolah rendah.

2. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah tidak seharusnya atau sewenang-wenang menggunakan buku teks atau buku kerja yang lain, kerana perbuatan sedemikian adalah bercanggah dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 10/1993 tentang Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah yang masih berkuatkuasa.

3. Untuk makluman dan rujukan kepada semua Pengetua dan Guru Besar, bersama-sama Surat Pekeling Ikhtisas ini disertakan Senarai Judul Buku Teks Yang Diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Tahun 2000.

4. Sejajar dengan arahan tersebut di atas, adalah dimaklumkan bahawa tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap Pengetua atau Guru Besar yang didapati gagal mematuhi arahan ini.

5. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Tuan adalah diminta untuk memaklumkan kandungan pekeliling ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. Y.B. Tan Sri Musa Bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Datuk Abdul Aziz Bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y.B. Datuk Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan
4. Y.B. Datuk Mahadzir Bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
9. Ketua Nazir Sekolah
10. Pegawai Perhubungan Awam